

26/01/1999

Pekebun pertikai DPN3

RIBUAN pekebun kecil yang mengusahakan tanaman getah, kelapa, koko dan lada hitam khuatir masa depan mereka gelap berikutan cadangan kerajaan mengurangkan kira-kira 600,000 tanah pertanian jenis itu dalam tempoh pelaksanaan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3). Dasar baru pertanian itu juga mencadangkan pengurangan sejumlah 500,000 tenaga kerja dalam sektor pertanian dalam tempoh 12 tahun DPN3 dilaksanakan.

Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (PKPKM) berkata kebimbangan mereka berasas kerana 85 peratus pengusaha tanaman getah, kelapa, koko dan lada hitam adalah pekebun kecil yang bernaung di bawah beberapa agensi kerajaan seperti Felda, Felcra dan Risda.

Dalam DPN3 merangkumi dasar dan pelaksanaan bagi 1998-2010 kerajaan bercadang menggabungkan institusi yang melaksanakan tugas pengurusan dan pembangunan komoditi. Ini bermakna sesetengah institusi yang bertindan fungsi akan dimansuhkan. Jumlah tenaga buruh dalam pertanian akan dikurangkan daripada 1.4 juta pekerja dalam 1995 kepada 900,000 pekerja dalam tahun 2010.

Ini dicapai dengan mengurangkan perusahaan pertanian berintensif buruh menerusi pengurangan kawasan tanaman khususnya getah, kelapa, koko dan lada hitam. DPN3 mencadangkan kawasan tanaman getah dikurangkan sebanyak 494,000 hektar, kelapa 73,400 hektar, koko (30,700 hektar) dan lada hitam (2,100 hektar).

Sebaliknya, DPN3 mencadangkan perusahaan dan galakan tanaman baru yang kurang memerlukan input buruh termasuk spesis balak, buluh dan rotan.

Kerajaan juga akan menggalakkan penggunaan sistem pengeluaran intensif berautomasi dan bermekanisasi di bawah persekitaran terkawal seperti aeroponik dan hidroponik bagi tanaman bernilai tinggi.

Meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunan serta pemindahan teknologi jimat buruh, khususnya bagi operasi menuai kelapa sawit, buah-buah, bunga-bunga, sayur-sayuran dan menoreh getah.

Menurut Pengerusi PKPKM, Datuk Ahmad Arshad, pekebun kecil membantah pengurangan kawasan tanaman berkenaan kerana ia bercanggah dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu sektor berkenaan dimajukan dengan mengeluarkan produk jenama Malaysia.

"Getah ditanam di negara ini sejak 150 tahun lalu dan menjadi punca pendapatan utama pekebun kecil. Ia juga menjadi bahan asas kepada lebih 10 jenis barangan dan hanya sebahagian kecil dikeluarkan di negara ini dengan jenama sendiri," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Ahmad berkata, cadangan mengusangkan kawasan kelapa seluas 74,400 hektar dari jumlah keseluruhan 230,000 hektar akan menyebabkan negara terpaksa bergantung kepada import.

Menurutnya, Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud yang membentangkan dasar itu juga menyatakan peruntukan RM32 bilion diperlukan dengan RM22 bilion dari sektor swasta untuk melaksanakan DPN3.

Antara keperluan yang dikemukakan ialah membangunkan 1.3 juta hektar tanah terbiar dan 300,000 hektar pokok tua yang tidak mengeluarkan hasil.

Sehubungan dengan itu, PKPKM menggesa kerajaan mengkaji semula cadangan pengurangan kawasan tanaman berkenaan.

(END)